

Faktor Di Luar Kawalan Guru Sekolah Menengah dalam Pengajaran Efektif

Chia Lai Lai,* Abdul Rahim Hamdan

Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Skudai, Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: lailaichia@yahoo.com

Abstrak

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor di luar kawalan guru sekolah menengah yang mempengaruhi pengajaran efektif mereka. Seramai 18 orang guru sekolah menengah di negeri Johor yang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan ialah soalan respon terbuka untuk memperoleh maklumat secara bebas daripada responden. Data yang diperoleh dianalisis melalui analisis kandungan. Seterusnya, frekuensi tema turut dapat dikira dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tujuh tema utama bagi faktor di luar kawalan guru yang mempengaruhi pengajaran efektif mereka. Antara faktor yang dikenalpasti ialah beban guru yang semakin tinggi, saiz kelas yang besar, kekurangan sikap belajar dalam kalangan pelajar, sosioekonomi keluarga pelajar, peranan pentadbir, masalah ponteng dan juga ketidakcukupan kemudahan infrastruktur dalam sekolah. Justeru, kesedaran dan komitmen amat diperlukan untuk membantu dalam penyediaan satu atmosfera yang tenteram serta kondusif dalam pelaksanaan pengajaran efektif guru.

Kata kunci: Pengajaran efektif, Faktor di luar kawalan, Guru, Pelajar, Sekolah

PENGENALAN

Perguruan merupakan satu profesion yang sangat mulia kerana guru dapat mengubah nasib dan masa depan seseorang pelajar melalui pengajaran. Sejak Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) tahun 2006-2010, kerajaan Malaysia telah semakin menitikberatkan lagi aspek memartabatkan profesion keguruan untuk melahirkan modal insan yang seimbang demi negara (KPM, 2006). Keadaan ini sepadan dengan kenyataan Hanushek, Kain & Rivkin (2004) yang menjelaskan bahawa guru sentiasa merupakan orang yang berada di garis hadapan untuk mengubah sosio-budaya dan pencapaian sekolah melalui tindakan profesionalnya. Oleh itu, pengajaran yang efektif amat penting untuk disebarkan melalui guru yang bertindak sebagai agen pendidikan yang diamanahkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Kajian Linda Darling Hammond (2000) yang memperoleh dapatan dari 50 buah negeri di Amerika Syarikat menyatakan bahawa apa yang pelajar dapat bukan bergantung pada sekolah mereka hadir, tetapi adalah bergantung pada guru yang ada dalam sekolah tersebut. Ini telah jelas menunjukkan bahawa guru yang efektif mempunyai pengaruh yang begitu tinggi dalam pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, guru juga mesti berupaya mendefinisikan pengetahuan serta dapat menggabungkan pengetahuan tersebut dalam praktis pengajaran rutin harian mereka (Danielson, 2007). Maka, guru harus efektif dalam mengetahui serta menjalankan pengajaran mereka.

Walaupun pengajaran guru merupakan satu tugas yang nampaknya senang tetapi adalah kompleks sebenarnya. Lebih-lebih lagi dalam pelaksanaan amalan pengajaran efektif yang amat bermakna dalam hidup guru dan juga dunia pendidikan. Bukan senang untuk mengharungi segala arus rintangan demi melaksanakan amanah ini kerana terdapat banyak faktor di luar kawalan yang mempengaruhi amalan pengajaran efektif.

PENGAJARAN EFEKTIF DAN FAKTOR DI LUAR KAWALAN GURU

Banyak kajian lepas telah membuktikan bahawa guru merupakan faktor utama yang mempengaruhi pengajaran efektif dan seterusnya pencapaian pelajar. Menurut Marzano (2003), para guru dapat mencipta sesuatu yang berbeza dalam hidup pelajar melalui pengajaran mereka. Keberkesanan guru adalah antara faktor yang paling mempengaruhi pencapaian pelajar.

“ Effective teachers appear to be effective with student of all achievement levels regardless of the level of heterogeneity in their classes. If the teacher is ineffective, students under that teacher’s tutelage will achieve inadequate progress academically, regardless of how similar or different they are regarding their academic achievement ” (Marzano, 2003, ms 72).

Walaupun guru merupakan input utama yang mempunyai pengaruh yang besar dalam pengajaran efektif untuk menghasilkan pencapaian pelajar yang baik, namun masih terdapat faktor di luar kawalan guru yang mempengaruhi

amalan pengajaran efektif guru. Antaranya termasuk sosioekonomi keluarga pelajar, sikap pelajar yang semakin merosot, saiz kelas yang semakin besar serta situasi sekolah tersedia yang tidak dapat dikawal oleh guru. Ini selaras dengan pendapat Stronge dan Hindman (2003) yang menjelaskan “*research suggest that class size, family and community involvement and many other school related factors all contribute to school improvement and student achievement...*”

Walau bagaimanapun pengajaran yang efektif memerlukan guru untuk mengelolaknya. Namun kesedaran dan komitmen daripada pihak yang terlibat dalam pendidikan turut amat diperlukan. Mereka harus mengetahui apa yang sebenarnya berlaku dalam kelas, bagaimana dalam proses pengajaran serta apa yang harus lakukan untuk meningkatkan lagi pengajaran guru. Dengan itu, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor di luar kawalan yang dihadapi oleh para guru sekolah menengah di negeri Johor dalam mengamalkan pengajaran efektif mereka.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif. Soalan respon terbuka digunakan untuk memperoleh maklumat berkaitan faktor di luar kawalan guru dalam amalan pengajaran efektif mereka. Seramai 18 orang responden guru sekolah menengah di negeri Johor dijadikan sebagai sampel dalam kajian ini. Soalan respon terbuka dapat memperoleh pendapat responden melalui jawapan yang diberikan dalam bentuk perkataan. Seterusnya, hasil dapatan respon terbuka dianalisis melalui analisis kandungan. Silverman (2001) menyatakan “*in content analysis, researcher establish a set of categories and then count the number of intences that fall into each category*”. Justeru, tujuh tema utama dikenalpasti daripada respon yang diberikan. Koding juga diberikan untuk membentuk setiap kategori dan tema tersebut. Seterusnya frekuensi tema turut dapat dikira dalam kajian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan soalan respon terbuka berkenaan faktor di luar kawalan dalam pengajaran efektif mereka. Hasil dapatan dapat ditunjukkan melalui Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1 Frekuensi Tema Berkenaan Faktor Di Luar Kawalan Guru Dalam Pengajaran Efektif

Tema	Frekuensi	Peratus (%)	Ranking
Beban guru	7	19.44	2
Saiz kelas	2	5.56	7
Sikap belajar pelajar	9	25.00	1
Sosioekonomi keluarga	6	16.67	3
Masalah ponteng	4	11.11	5
Pentadbir	5	13.89	4
Kemudahan infrastruktur	3	8.33	6

Berdasarkan jadual 1 tersebut, jelas menunjukkan bahawa sikap belajar pelajar merupakan faktor di luar kawalan guru yang paling mempengaruhi amalan pengajaran efektif guru. Tema ini menduduki ranking pertama dalam tema yang dianalisiskan, iaitu sebanyak 25% daripada jumlah respon yang diperoleh. Sikap belajar pelajar meliputi kekurangan kesedaran diri pelajar terhadap kepentingan pembelajaran, tidak minat belajar dan juga sahsiah serta disiplin pelajar yang teruk. Antara respon terbuka yang diperoleh termasuk:

Pemikiran pelajar yang tidak berfikir tentang kepentingan ilmu
(Responden 1)

Terdapat pelajar yang langsung tidak minat dalam pembelajaran
(Responden 8)

Faktor di luar kawalan saya ialah masalah kekurangan kesedaran diri pelajar tentang kepentingan pelajaran
(Responden 15)

Sahsiah dan disiplin pelajar yang semakin teruk, mengganggu P&P saya
(Responden 16)

Di samping itu, faktor di luar kawalan guru yang kedua (19.44%) diperoleh ialah beban guru yang semakin tinggi. Pelbagai program dan banyak mesyuarat yang diadakan serta tambahan kerja pengkeranian yang perlu diselesaikan oleh para guru masa kini telah mengganggu pelaksanaan pengajaran yang efektif dalam kalangan guru.

Banyak program sampingan yang bukan merupakan “core business” telah mengganggu P&P kami yang berkesan

(Responden 9)

Banyak kerja pengkeranian atau 'paper work' (memakan masa lama) yang menyebabkan guru rasa letih dan 'overload' dalam menjalankan P&P efektif. Tambahan lagi banyak data yang perlu dimasukkan melalui komputer sekarang

(Responden 10)

Mesuarat yang dijalankan terlalu banyak khasnya jenis 'ad-hoc' yang mengganggu kelancaran P&P. Maka, masa pembelajaran pelajar tidak dapat diikuti dengan sewajarnya seperti yang dirancang

(Responden 14)

Keadaan sosioekonomi keluarga turut menduduki tempat ketiga yang mempengaruhi pengajaran efektif guru. Tema ini telah menyumbang sebanyak 16.67%. Tema ini tidak berkaitan dengan kebijaksanaan pelajar tetapi adalah disebabkan kekurangan kerjasama mahupun keprihatinan yang diberikan selaras dengan usaha yang guru curahkan.

Pelajar dari latar belakang yang kompleks, maka mengambil masa lama untuk mengubah tabiatnya

(Responden 4)

Masalah kekeluargaan yang ibubapa bercerai, maka susah nak jumpa ibubapa mereka untuk berbincang

(Responden 6)

Sikap ibubapa yang tidak memberi kerjasama pada sekolah atau guru

(Responden 7)

Ibubapa yang selalu suka lepas tangan pada guru-guru di sekolah

(Responden 13)

Selain itu, peranan pentadbir turut memainkan 13.89% peranannya berbanding enam tema yang lain. Tema ranking keempat ini melibatkan kelemahan pentadbir dalam merancang dan tiada tindakan susulan yang diambil terhadap pelajar yang bermasalah.

Aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang melibatkan pelajar pada masa P&P

(Responden 3)

Pentadbir membenarkan pertukaran aliran pembelajaran yang dimana tahap keupayaan/prestasi pelajar langsung tidak setaraf dengan aliran yang dipilih

(Responden 2)

Tiada tindakan susulan pentadbir yang diambil terhadap pelajar bermasalah. Mereka hanya membiarkan begitu saja

(Responden 8)

Masalah ponteng juga merupakan tema kelima faktor di luar kawalan guru dalam pengajaran efektif mereka, iaitu sebanyak 11.11%. Masalah ini majoriti disebabkan pengaruh kawan dan juga ramai pelajar bekerja sambil selepas waktu sekolah sehingga larut malam. Justeru, mereka akan terus ponteng pada hari keesokan. Keempat-empat respon yang diperoleh ialah:

Pelajar sering ponteng sekolah kerana bekerja

(Responden 5)

Masalah ponteng bersama kawan

(Responden 11)

Masalah ponteng yang semakin menjadi-jadi

(Responden 13)

Kadar ponteng yang tinggi

(Responden 17)

Seterusnya, tema kedua terakhir ialah faktor kemudahan infrastruktur yang sebanyak 8.33%. Faktor ini melibatkan kekurangan ICT dan juga Alat Bantu Mengajar (ABM) di sekolah.

Penggunaan ICT secara *total* masih menjadi halangan disebabkan oleh kelengkapan bangunan, ketiadaan alat yang mencukupi
(Responden 12)

Sumber bahan ABM terbatas. Guru kena merekacipta bahan
(Responden 18)

Tema terakhir ialah saiz kelas yang besar, namun hanya 5.56% sahaja. Keadaan ini mungkin disebabkan sekolah yang terlibat tersebut merupakan sekolah agak terkenal yang ramai ibubapa beratur untuk mendaftarkan anak di sekolah tersebut. Respon daripada satu-satunya guru tersebut ialah:

Kelas terlalu ramai pelajar--penuh dan susah dikawal
(Responden 17)

Dapatan kajian jelas menunjukkan tujuh faktor utama di luar kawalan guru yang perlu diberi perhatian. Sikap pelajar yang tidak dapat dikawal oleh guru semakin mempengaruhi pengajaran guru mahupun pencapaian sekolah. Jenck et al (1972) telah menerangkan bahawa "*the character of a school's output depends largely on a single output, that is the characteristics of the entering children*" (ms.53). Tambahan pula dengan masalah sahsiah pelajar serta kemelut ponteng kelas yang semakin genting turut mempengaruhi lagi pengajaran guru untuk efektif. Menurut Vijaindren (2010) isu berkenaan masalah pelajar telah mematahkan semangat guru dalam peningkatan pengajaran mereka lebih-lebih lagi dengan para ibubapa yang 'over protected' anak mereka. Selain itu, beban guru yang tinggi juga merupakan faktor ketara yang mempengaruhi amalan pengajaran efektif mereka. Keadaan ini disebabkan guru sentiasa dibebani dengan banyak tugas pengkeranian serta mesyuarat mahupun program yang bukan merupakan 'core business' mereka. Ini selaras dengan kajian Salwa (1996) yang mendapati para guru selain mempunyai beban tugas mengajar yang tinggi, mereka juga perlu memikul banyak beban bukan akademik yang pelbagai sehingga kurang masa untuk merancang pengajaran dengan teliti dan efektif.

Keadaan sosioekonomi keluarga turut dikesani sebagai salah satu faktor yang berpengaruh dalam pengajaran efektif guru. Keluarga status sosioekonomi yang kukar-kacir jarang berkomunikasi dengan guru untuk mengetahui progres pelajar serta kerjasama yang guru harapkan. Selain itu, mereka juga kurang berdaya untuk menyediakan buku rujukan tambahan atau lembaran latihan yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini selari dengan kajian Mattar (2010) di Lebanon yang menyatakan "*low socio-economic situation and the poor quality of their home educational culture*" mempengaruhi pengajaran serta motivasi guru. Walau bagaimanapun, pembelajaran pelajar hanya dipengaruhi oleh status sosioekonomi keluarga tetapi bukan seperti yang difikirkan oleh majoriti orang bahawa status sosioekonomi berkaitan dengan kebijaksanaan seseorang pelajar.

Peranan pentadbir penting dalam praktis pengajaran efektif guru. Kelemahan pentadbir akan membantut perkembangan sesebuah organisasi sekolah. Pentadbir yang cekap dan mempunyai hala tuju yang jelas dapat membangunkan organisasi sekolah dengan baik. Mereka juga memberi sokongan yang mantap untuk meningkatkan lagi pengajaran efektif guru dan membangun bersama dengan pasukan guru tersebut. Elmore(2004) turut menyatakan "*it is unlikely to result in changes in teachers' practice, skill or knowledge in the absence of a clear organizational focus*". Disamping itu, beliau juga menjelaskan bahawa "*both teachers and principals need to view their work as being comprised of a set of competencies and skills that can be learned*". Maka, peranan pentadbir yang konstruktif penting dalam pengajaran efektif guru.

Kemudahan infrastruktur yang kurang mencukupi turut sebagai faktor di luar kawalan guru dalam pengajaran efektif. Kemudahan ICT yang kurang mantap serta Alat Bantu Mengajar yang serba kurang menyusahkan guru dalam pengelolaan pengajaran mereka. Kajian Robiah (2003) juga telah mengesani kekurangan prasarana dan bahan sokongan dalam mempelajari mata pelajaran sains dan teknologi. Antaranya, ABM dan peralatan dalam pengajaran dan pembelajaran sains adalah tidak mencukupi walaupun makmal telah disediakan. Akhirnya, saiz kelas yang besar turut merupakan faktor di luar kawalan guru yang minor. Masalah ini lebih ketara kelihatan di sekolah yang dikatakan 'famous' mahupun terlalu ramai enrolmen pelajarannya. Guru yang berasal dari jenis sekolah ini tidak mampu memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap kelas yang begitu ramai pelajarannya. Vijaindren(2010) juga mengemukakan pandangan bahawa "*most teachers have to move between six classes of 40 students each, that is total 240 different minds to handle. Some school have over 3000 students. How do you control that ?*" Keadaan ini merupakan satu realiti yang harus dipandang berat dan seterusnya merancang alternatif yang terbaik untuk menyelesaikannya dengan sempurna.

Justeru itu, kajian ini dapat memperoleh maklumat berkenaan faktor di luar kawalan yang dihadapi oleh guru sekolah menengah. Diharapkan informasi ini dapat membantu warga pendidikan mahupun ibubapa menyedari kepentingan sumbangan serta peranan mereka masing-masing dalam peningkatan pengajaran efektif guru. Pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) mahupun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) turut dapat menggunakan dapatan yang diperoleh untuk merancang serta melaksanakan strategi penyelesaian yang relevan untuk mengatasi masalah yang terpendam selama ini dalam pendidikan.

KESIMPULAN

Amalan pengajaran efektif seseorang guru di dalam kelas amat mustahak. Guru amat dipentingkan dalam mengelolakan pengajaran yang efektif. Namun, kesedaran dan kerjasama daripada pihak yang terlibat dalam pendidikan turut amat diperlukan dalam memberi bantuan dalam peningkatan pengajaran efektif guru. Justeru itu, adalah penting dan sewajarnya untuk mengenalpasti faktor-faktor di luar kawalan guru dan seterusnya menyediakan alternatif yang terbaik untuk mengatasinya. Tindakan ini dapat menyediakan satu atmosfera mahupun orbit yang tenteram dan kondusif untuk guru mengamalkan pengajaran dengan efektif. Dengan itu, guru boleh dikatakan tiada sebab untuk tidak mengajar dengan efektif. Lebih-lebih lagi untuk Malaysia yang berusaha menuju ke arah transformasi pendidikan negara dan berhasrat menghasilkan modal insan yang konstruktif dalam pembangunan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. Maka, faktor di luar kawalan guru merupakan satu aspek yang harus dititikberatkan dalam amalan pengajaran efektif guru untuk menempuhi perjuangan pendidikan berkualiti yang belum selesai dalam abad ke-21.

RUJUKAN

- Danielson, C. (2007). *Enhancing Professional Practice: A Framework for Teaching*. Alexandria, VA: ASCD.
- Darling-Hammond, L. (2000). Teacher Quality and Student Achievement: A Review of State Policy Evidence. *Education Policy Analysis Archives*. 8(1): 1-44.
- Elmore, R. F. (2004). *School Reform from the Inside Out*. Cambridge : Harvard Education Press.
- Hanushek, E. A., Kain, J. F., Rivkin, J. G. (2004). Why Public School Lose Teachers. *Journal of Human Resources*. 39(2): 326-354
- Jencks, C., Smith, M.S., Ackland, H., Bane, J. J., Cohen, D., Michaelson, S. (1972) *Inequality: A reassessment of the effects of family and schools in America*. New York: Basic Books.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006) *Rancangan Malaysia Ke- 9: Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Marzano, R. J. (2003). *What Work in School: Translating Research Into Action*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Mattar, D. (2010). Teachers' motivation in the Lebanese public schools. *International Journal of Arts and Sciences*. 3(11): 458-502.
- Robiah Sidin. (2003). Pembudayaan sains dan teknologi: satu cadangan piawai. *Jurnal Pendidikan* .28(2): 47-63.
- Salwa Abu Bakar (1996). *Kajian Mengenai Tugas-Tugas Guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.
- Silverman, D. (2001). *Interpreting Qualitative Data, Methods for Analysing Talk, Texts and Interaction*. (2nd ed). London : Sage Publications.
- Stronge, J. H., Hindman, J. L. (2003). Hiring the Best Teacher. *Educational Leadership*. 60(8): 48-52
- Vijandren, A. (2010) Teachers too soft on students? *New Sunday Times*, 1 August 2010.